

Nelayan perlu ^{BERITA} berani ceburi ^{HARIAN} aktiviti tangkap ^{ms 7} ikan laut dalam ^{9/7/12}

Bachok: Nelayan perlu lebih berani untuk menceburi aktiviti penangkapan ikan laut dalam berbanding kekal sebagai nelayan tradisional.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil, berkata setakat ini hanya 1,200 lesen kelas itu dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan termasuk 85 pengusaha di Kelantan manakala 54,000 lagi adalah lesen kelas A,B dan C.

“Kita mahu nelayan lebih berani dan proaktif mengambil peluang memohon kelas C2 agar nelayan dapat berubah menjadi pemain industri.

“Memang bagi memiliki kelas C2 memerlukan modal yang agak besar namun nelayan boleh memohon pelbagai dana dan pembiayaan yang disediakan kerajaan bagi tujuan itu,” katanya pada Majlis Interaksi Bersama Nelayan Bachok, di sini, semalam.

BERNAMA



**Memang bagi
memiliki kelas
C2 memerlukan
modal agak besar,
namun nelayan boleh
mohon pelbagai dana
dan pembiayaan
disedia kerajaan
bagi tujuan itu.**

**Muhammad Faiz Fadzil,
Pengerusi LKIM**